




SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 23 Jamadilakhir 1444 / 16 Januari 2023

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, kadar purata kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam terus menunjukkan penurunan yang mana kadar purata kes COVID-19 dalam masa satu minggu kebelakang ialah 223 kes sehari, berbanding dengan kadar pada minggu sebelumnya iaitu 350 kes sehari. Sebanyak 38,751 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 4.0% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.



Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, **tidak ada kes** di dalam Kategori 5 dan Kategori 4 yakni yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) atau yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
 - ii) Sehingga kelmarin, 15 Januari 2023, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **79.0%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **11.7%** juga telah mendapatkan dos keempat.
2. Pada hari ini, sebanyak **170 kes baru** telah dilaporkan iaitu 170 kes hasil ujian ART dan **tidak ada** kes telah dikesan dari ujian-ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

3. Sementara itu, pemantauan berterusan yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan terhadap trend penyakit-penyakit berjangkit di negara ini telah mendapati terdapat sedikit peningkatan di dalam jumlah kanak-kanak yang dimasukkan ke hospital dengan jangkitan demam selsema di mana sebahagiannya juga mengalami cirit-birit. Dalam hal ini, orang ramai khususnya ibubapa atau penjaga kanak-kanak adalah dinasihatkan untuk memastikan anak-anak mereka makan makanan yang dimasak dengan sempurna dan meminum air yang bersih. Pastikan anak-anak abiskita makan dan minum air secukupnya dan amalkan kebersihan diri yang baik seperti kerap mencuci tangan dan tidak berkongsi sudu, cawan dan sebagainya. Segera bawa anak-anak abiskita berjumpa doktor sekiranya abiskita kluatir dengan keadaan mereka.

4. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 23 Jamadilakhir 1444H / 16 Januari 2023